



## Operasi Fiskal 2003

*Dalam keadaan global yang tidak menentu, operasi fiskal walaupun berkembang adalah berasaskan keseimbangan diantara mengekalkan pertumbuhan dan konsolidasi fiskal ...*

**D**i dalam Bajet 2003, Kerajaan telah menyatakan dengan jelas hasratnya untuk mengurangkan defisit selepas mengamalkan bajet mengembang selama enam tahun berturut-turut memandangkan prospek ekonomi dijangka bertambah baik. Kenyataan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memperseimbangkan bajetnya selaras dengan objektif dasar Rancangan Malaysia ke- Lapan (RMK-8). Prospek global yang dijangka bertambah baik, walau bagaimanapun tidak berlaku dan dengan itu konsolidasi fiskal yang diamalkan tidak tercapai sepenuhnya. Persekitaran luar menjadi bertambah rumit akibat daripada pencerobohan AS ke atas Iraq dan wabak penyakit Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), telah melemahkan pertumbuhan ekonomi dunia. Untuk mengurangkan kesan negatif daripada perkembangan tersebut ke atas ekonomi negara, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Strategi Baru pada bulan Mei 2003 yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing, mengekalkan penggunaan serta menjana aktiviti ekonomi bagi memobilisasikan punca pertumbuhan domestik ke arah mengurangkan pergantungan ke atas punca luaran.

Pakej ini, antara lain, memberi tumpuan kepada penajaan penggunaan melalui potongan 2% caruman pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta pemberian setengah bulan bonus kepada kakitangan awam. Antara sektor yang dijangka mendapat manfaat daripada Pakej ini ialah sektor perumahan melalui

pengecualian cukai ke atas pinjaman dan cukai keuntungan harta tanah bagi rumah kos sederhana dan rendah serta pengecualian duti setem. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga mendapat faedah melalui peruntukan tambahan kepada tabung-tabung dan skim mikro kredit bagi memudahkan mereka mendapat pembiayaan.

Pakej baru ini, pada asasnya, berbeza daripada pakej-pakej rangsangan yang telah dilaksanakan pada bulan Mac dan September 2001 dari segi sumber pembiayaan dan strategi. Dengan dua objektif utama iaitu untuk meningkatkan daya saing negara dalam jangkamasa sederhana dan panjang serta mengurangkan impak ke atas sektor-sektor yang terjejas akibat SARS, pakej baru ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pelaburan swasta di samping memberi bantuan kepada sektor dan industri yang terjejas. Dengan kesedaran untuk menghadkan defisit dan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, maka hanya RM1.7 bilion adalah daripada peruntukan Bajet Kerajaan walaupun keseluruhan Pakej ini berjumlah RM7.3 bilion. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institusi Kewangan Pembangunan akan membiayai baki Pakej ini melalui skim-skim mikro kredit yang ditubuhkan di bawah program-program pinjaman. Dengan pertambahan perbelanjaan serta pertumbuhan hasil yang perlahan akibat daripada pertumbuhan KDNK yang lebih rendah, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan sedikit daripada 5.6% pada 2002 kepada 5.4% KDNK, tetapi lebih tinggi daripada sasaran 4.0% semasa pembentangan Bajet di bulan September, 2003.

Perbelanjaan Kerajaan adalah bertujuan untuk menyokong strategi Bajet 2003 iaitu bagi meningkatkan pelaburan domestik, membangunkan sumber-sumber pertumbuhan


## PERANAN DASAR FISKAL SEJAK KRISIS KEWANGAN ASIA

Dasar fiskal telah memainkan peranan penting dalam pengurusan makroekonomi Malaysia. Teras dasar ini mencerminkan objektif sosio ekonomi seperti yang termaktub di dalam rancangan pembangunan jangka masa sederhana dan panjang serta keperluan persekitaran ekonomi semasa. Pada tahun 70-an, dasar penglibatan Kerajaan berdasarkan dua objektif utama Dasar Ekonomi Baru (DEB), telah mewujudkan pelbagai perusahaan awam dan meningkatkan perbelanjaan sektor awam secara purata sebanyak 13.7% dari 1971 hingga 1982. Lanjutan daripada pelaksanaan dasar penswastan pada tahun 1983 di mana sektor swasta telah menjadi jentera pertumbuhan, perbelanjaan sektor awam telah berkurangan kepada 4.3% bagi tempoh 1983 hingga 1996. Sebaliknya, pelaburan swasta meningkat secara purata 14.4% dan menyumbang 22.1% kepada pertumbuhan KDNK dalam tempoh yang sama. Kadar pertumbuhan bagi tempoh dari 1988 sehingga sebelum krisis kewangan 1997-1998 adalah yang tertinggi dalam sejarah negara dengan purata 9.5% setahun.

Semasa ekonomi negara mengalami pertumbuhan yang tinggi di mana sektor swasta memainkan peranan utama seperti di tahun-tahun sebelum krisis kewangan Asia, dasar fiskal adalah ketat dan

CARTA 4.1

### Pertumbuhan KDNK dan Sumbangan Perbelanjaan Awam kepada KDNK (%)



negara mencapai lebih fiskal dari 1993 hingga 1997. Perbelanjaan awam sebanyak 25.8% KDNK, sebahagian besarnya adalah untuk membantu usaha-usaha dan pembangunan sektor swasta. Sebaliknya pada tahun-tahun selepas berlakunya krisis kewangan Asia di mana ekonomi Malaysia menghadapi kemelesetan yang teruk, Kerajaan telah memulakan dasar fiskal mengembang bagi membantu sektor swasta yang menghadapi kesulitan kewangan. Daripada langkah-langkah berjimat yang diamalkan pada mulanya, Kerajaan telah menukar pendiriannya kepada langkah-langkah untuk menjana semula ekonomi. Selaras dengan strategi untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi melalui aktiviti pembinaan, tabung pembangunan infrastruktur telah ditubuhkan bagi membantu pembiayaan projek infrastruktur dan kemudahan awam yang besar untuk mengelakkan kelewatan pelaksanaannya. Di samping memberi penekanan untuk menjana aktiviti ekonomi, Kerajaan juga telah memperuntukkan banyak dana untuk projek sosio-ekonomi bagi mengurangkan impak krisis terhadap golongan masyarakat yang teruk terjejas.

Dengan dasar bajet mengembang yang efektif di samping permintaan eksport yang kukuh bagi barangan elektrik dan elektronik, prestasi ekonomi telah pulih dengan ketara dari -7.4% pada tahun 1998 kepada 8.5% pada tahun 2000. Ekonomi Malaysia sekali lagi menghadapi cabaran yang getir apabila pertumbuhan ekonomi dunia mulai perlahan di akhir tahun 2000. Persekitaran luaran menjadi semakin tidak menentu dengan meningkatnya ketegangan geopolitik berikutan daripada peristiwa 11 September. Untuk mengurangkan kesan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan peristiwa 11 September, Kerajaan telah melaksanakan dua pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3.0 bilion dan RM4.3 bilion di bulan Mac dan September 2001. Pakej rangsangan ini kebanyakannya adalah untuk projek-projek kecil di luar bandar serta kawasan bandar terpilih di mana perbelanjaan boleh dilakukan dengan segera. Projek-projek yang dikenal pasti adalah seperti projek yang mempunyai kesan limpahan yang tinggi, kandungan import yang rendah serta tempoh siap yang singkat seperti menaiktaraf bangunan dan kemudahan Kerajaan, latihan untuk pekerja yang diberhentikan dan graduan yang menganggur serta galakan pelancongan.

Walaupun persekitaran luaran semakin tidak menentu berikutan daripada krisis kewangan Asia, pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, pencerobohan di Iraq serta wabak SARS tahun ini, ekonomi Malaysia terus berdaya tahan dan berjaya mencatat pertumbuhan tahunan positif. Keupayaan negara untuk mengelakkan kemelesetan adalah disebabkan oleh kekuatan asas-asas makroekonomi yang telah dibina pada tahun-tahun sebelumnya serta pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang efektif bagi mengurangkan impak negatif persekitaran global ke atas Malaysia.

Pakej Strategi Baru yang dilaksanakan pada bulan Mei tahun ini adalah kemuncak pelaksanaan rangsangan fiskal setakat ini. Walaupun pakej ini dirangka untuk mengurangkan kesan negatif pencerobohan di Iraq dan wabak SARS, ia juga bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara dalam jangka masa sederhana dan panjang. Oleh yang demikian, Pakej ini mempunyai skop yang luas dan berpandangan jauh dengan menitikberatkan inisiatif sektor swasta khususnya pembangunan PKS. Memandangkan objektif Pakej adalah bertujuan untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dan meningkatkan daya saing, maka Pakej ini akan memberi penekanan kepada penyediaan dana yang mudah diperolehi oleh sektor swasta khususnya PKS pada kos yang rendah. Dengan itu, Pakej ini kurang bergantung kepada sektor pembinaan dan perbelanjaan langsung Kerajaan di mana dari jumlah RM7.3 bilion, hanya RM1.7 bilion sahaja disediakan melalui peruntukan Bajet Kerajaan.

Sumbangan perbelanjaan sektor awam kepada pertumbuhan KDNK adalah ketara, khususnya pada 2001 apabila Malaysia dapat mengatasi kemelesetan dan mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 0.3%. Kejayaan instrumen fiskal dalam mengekalkan pertumbuhan mencerminkan fleksibiliti Kerajaan untuk segera bertindak balas dan menerima pakai dasar fiskal yang sesuai selaras dengan kehendak ekonomi semasa. Sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan KDNK telah meningkat bagi tempoh 1999-2002 daripada 26.1% kepada 32.9%, menunjukkan peningkatan peranan sektor awam selaras dengan dasar bajet berkembang yang berterusan dan siri pakej rangsangan fiskal. Peningkatan peranan sektor awam adalah perlu memandangkan tahap pelaburan sektor swasta masih lagi di bawah paras sebelum krisis.

Perbelanjaan sektor awam mempunyai dua objektif utama iaitu mengekalkan permintaan agregat dalam jangka masa pendek bagi menyokong pertumbuhan aktiviti ekonomi domestik di samping meningkatkan kapasiti dan produktiviti serta sistem penyampaian kerajaan. Sementara perbelanjaan mengurus kekal pada tahap 17.0% KDNK, perbelanjaan pembangunan sebaliknya telah menunjukkan tren yang meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini yang disebabkan oleh pakej rangsangan dan keperluan berterusan untuk membina kapasiti, infrastruktur dan pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan daya saing. Sebagai peratusan kepada KDNK, perbelanjaan pembangunan telah meningkat secara purata 5.9% sebelum tahun 1997 berbanding 8.0% pada tahun-tahun selepasnya.

Dasar fiskal berhemat dan bertanggungjawab sentiasa menjadi asas pegangan pengurusan fiskal Malaysia. Adalah wajar dinyatakan bahawa pinjaman Kerajaan adalah hanya untuk membiayai projek-projek pembangunan dan bukan untuk perbelanjaan mengurus, di mana akaun semasa terus mencatat lebih purata sebanyak 4.3% KDNK dari 1997 hingga 2003. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatat 5.6% KDNK pada 2002, tetapi dijangka menurun kepada 5.4% pada 2003, jauh lebih rendah daripada 16.7% pada 1982 walaupun Kerajaan mengamalkan bajet mengembang dan melaksanakan beberapa siri pakej rangsangan fiskal. Pada 2004, defisit diramal terus merosot kepada 3.3% KDNK. Walaupun Kerajaan Persekutuan mengalami defisit sejak 1988, kedudukan kewangan sektor awam disatukan adalah lebih kukuh dengan mencatat lebih pada 1999 dan 2000. Dengan prestasi PABK yang lebih baik serta perbelanjaan awam yang terkawal, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka kembali mencatat lebih pada 2004. Kerajaan terus komited untuk mencapai konsolidasi fiskal dan bajet berimbang seperti yang dinyatakan di dalam RMK-8 dan Bajet 2003.

baru serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam. Dalam hal ini, teras utama perbelanjaan adalah untuk pendidikan dan latihan, dengan memberi penekanan ke atas kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menyokong industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Bagi meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan, perbelanjaan untuk sektor infrastruktur dan industri akan diberi keutamaan. Di dalam sektor sosial, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk mempertingkatkan standard dan kemudahan kesihatan, meluaskan

liputan bekalan air dan elektrik serta memaju dan mempromosikan pembangunan belia dan masyarakat.

Kerajaan sentiasa berwaspada akan tahap keberhutangan luaran dan dengan itu telah mengambil kesempatan dari kadar faedah domestik yang rendah serta kecairan pasaran kewangan dengan meminjam sebanyak 91.7% daripada keperluan pembiayaannya dari pasaran domestik. Dijangka 95.2% daripada keseluruhan jumlah pinjaman domestik adalah melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Empat terbitan baru dan lapan terbitan semula

SKM yang berjumlah RM39,850 juta dijangka disempurnakan pada akhir tahun 2003. Baki pinjaman domestik adalah terdiri daripada pembiayaan semula Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Bil Perbendaharaan (TB) yang matang.

Walaupun pinjaman yang lebih tinggi telah meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan kepada 47.7% KDNK pada 2003, penunjuk lain ketidakteguhan hutang masih lagi ditahap yang tidak membimbangkan. Peratusan bayaran khidmat hutang kepada hasil dan perbelanjaan mengurus masih rendah di tahap 9.9% dan 12.1%. Hutang luar Kerajaan Persekutuan juga masih rendah di tahap 9.1% KDNK. Memandangkan kadar tabungan yang tinggi dan kecairan dalam sistem perbankan serta lebihan akaun semasa yang besar di dalam imbangan pembayaran, pembiayaan defisit fiskal bukan satu isu yang kritikal bagi Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar akan keperluan dan komited untuk mengukuhkan kedudukan kewangan ke arah mencapai bajet berimbang.

## Kerajaan Persekutuan

*Dasar fiskal bertujuan meningkatkan perbelanjaan penggunaan dan membina kapasiti untuk memperkukuhkan prospek pertumbuhan jangka panjang...*

Pada tahun 2003, terimaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah dari yang dijangkakan disebabkan oleh pertumbuhan KDNK yang lebih perlahan iaitu 4.5% jika dibandingkan dengan ramalan asal 6.0% hingga 6.5%, berikutan persekitaran luaran yang lemah. Pertumbuhan hasil yang perlahan, berserta dengan perbelanjaan yang dibawa dari tahun lepas lanjutan pelaksanaan bajet mengembang serta Pakej Strategi Baru, menyebabkan defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan berkurang sedikit kepada 5.4% KDNK (2002:5.6%) tetapi lebih tinggi daripada sasaran 4.0% yang dijangka dalam Bajet asal 2003, seperti di *Jadual 4.1*. Walaupun pertumbuhan hasil berkurangan dan perbelanjaan mengurus meningkat, akaun semasa masih terus mencatat lebihan.

JADUAL 4.1

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2002-2004

|                                 | RM juta        |                   |                     | Perubahan (%) |            |              |
|---------------------------------|----------------|-------------------|---------------------|---------------|------------|--------------|
|                                 | 2002           | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup>   | 2002          | 2003       | 2004         |
| Hasil                           | 83,515         | 89,168            | 95,595              | 5.0           | 6.8        | 7.2          |
| Perbelanjaan mengurus           | 68,699         | 73,237            | 80,030              | 7.8           | 6.6        | 9.3          |
| <b>Baki semasa</b>              | <b>14,816</b>  | <b>15,931</b>     | <b>15,565</b>       | <b>-6.3</b>   | <b>7.5</b> | <b>-2.3</b>  |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 35,977         | 37,963            | 29,960 <sup>3</sup> | 2.1           | 5.5        | -21.1        |
| (-) Terimaan balik pinjaman     | 908            | 1,183             | 1,000               | -9.5          | 30.3       | -15.5        |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 35,069         | 36,780            | 28,960              | 2.4           | 4.9        | -21.3        |
| <b>Baki keseluruhan</b>         | <b>-20,253</b> | <b>-20,849</b>    | <b>-13,395</b>      | <b>9.9</b>    | <b>2.9</b> | <b>-35.8</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>            | <b>-5.6</b>    | <b>-5.4</b>       | <b>-3.3</b>         |               |            |              |


<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2004.

<sup>3</sup> Tidak mengambil kira RM2,000 juta tabung luar jangka.

CARTA 4.2


### Kewangan Kerajaan Persekutuan- Akaun Semasa



<sup>1</sup> Anggaran disemak.  
<sup>2</sup> Bajet.

CARTA 4.3

### Peratusan Defisit/Lebihan Keseluruhan kepada Keluaran dalam Negeri Kasar



<sup>1</sup> Anggaran disemak.  
<sup>2</sup> Bajet.

## Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan 2003 dijangka mencatat RM89,168 juta, 6.8% lebih tinggi daripada 2002, tetapi rendah sedikit dari anggaran asal sebanyak RM89,183 juta seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2003. Kutipan hasil bagi kebanyakan kategori cukai meningkat kecuali cukai jualan di mana berkurangan sebanyak 7.9% disebabkan pengecualian cukai yang lebih tinggi bagi produk petroleum di bawah aturan Mekanisme Harga Automatik (APM) yang mana peningkatan harga minyak mentah akan mengurangkan kutipan cukai jualan. Prestasi kutipan hasil pada kadar 23.1% KDNK adalah selaras dengan tren terkini. Besar kemungkinan jumlah kutipan hasil akan lebih tinggi daripada tren kebelakangan ini sekiranya jumlah cukai jualan tidak menurun berikutan daripada pertambahan pengecualian cukai bagi produk petroleum. Dalam tahun 2003, tiada peningkatan atau cukai baru diperkenalkan walaupun

pengurangan cukai dikenakan ke atas beberapa barangan. Tumpuan diberi ke atas penguatkuasaan, khususnya menghalang pengelakan cukai dan mencegah penyeludupan. Usaha Kerajaan yang berterusan dalam mempertingkatkan kutipan hasil, memastikan pematuhan dan mengejar mereka yang cuba mengelak atau enggan membayar cukai telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kedua-dua cukai pendapatan syarikat dan individu telah menunjukkan peningkatan walaupun rebat dan pengurangan kadar cukai diberikan kepada pembayar cukai individu dalam dua tahun kebelakangan ini, seperti di *Jadual 4.2*.

Cukai langsung kekal sebagai sumber utama hasil yang mewakili 52.2% daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil (2002: 53.1%). Bagi cukai tidak langsung pula, peratusannya kepada jumlah hasil adalah 25.4% pada 2003. Duti eksport dan import terus mencatat tren menurun

JADUAL 4.2

### Hasil Kerajaan Persekutuan 2002-2004

|                                 | RM juta       |                   |                   | Perubahan (%) |            |            | Bahagian (%) |              |              |
|---------------------------------|---------------|-------------------|-------------------|---------------|------------|------------|--------------|--------------|--------------|
|                                 | 2002          | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup> | 2002          | 2003       | 2004       | 2002         | 2003         | 2004         |
| Hasil cukai                     | 66,861        | 69,171            | 75,112            | 8.7           | 3.5        | 8.6        | 80.1         | 77.6         | 78.6         |
| Cukai langsung                  | 44,351        | 46,481            | 49,261            | 5.4           | 4.8        | 6.0        | 53.1         | 52.2         | 51.6         |
| y/m <sup>3</sup> : Syarikat     | 24,642        | 24,952            | 27,571            | 18.6          | 1.3        | 10.5       | 29.5         | 28.0         | 28.8         |
| Individu                        | 9,889         | 10,370            | 10,986            | 4.8           | 4.9        | 5.9        | 11.8         | 11.6         | 11.5         |
| Cukai tidak langsung            | 22,510        | 22,690            | 25,851            | 16.1          | 0.8        | 13.9       | 27.0         | 25.4         | 27.0         |
| y/m <sup>3</sup> : Duti eksais  | 4,745         | 4,933             | 5,452             | 14.9          | 4.0        | 10.5       | 5.7          | 5.5          | 5.7          |
| Cukai jualan                    | 9,244         | 8,514             | 10,442            | 25.7          | -7.9       | 22.6       | 11.1         | 9.5          | 10.9         |
| Hasil bukan cukai               | 16,654        | 19,997            | 20,483            | -7.9          | 20.1       | 2.4        | 19.9         | 22.4         | 21.4         |
| y/m <sup>3</sup> : Lesen/permit | 5,882         | 6,684             | 6,443             | -1.9          | 13.6       | -3.6       | 7.0          | 7.5          | 6.7          |
| Pendapatan pelaburan            | 8,353         | 10,798            | 11,370            | -16.9         | 29.3       | 5.3        | 10.0         | 12.1         | 11.9         |
| <b>Jumlah hasil</b>             | <b>83,515</b> | <b>89,168</b>     | <b>95,595</b>     | <b>5.0</b>    | <b>6.8</b> | <b>7.2</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>            | <b>23.2</b>   | <b>23.1</b>       | <b>23.3</b>       |               |            |            |              |              |              |


<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2004.

<sup>3</sup> y/m: yang mana.

CARTA 4.4

### Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Bajet.

selaras dengan liberalisasi perdagangan dan pemansuhan halangan perdagangan secara beransur-ansur. Bagi duti import, peratusan kepada jumlah cukai tidak langsung menurun dari 28.1% pada 1997 kepada 17.2% pada 2003, manakala duti eksport berkurangan sedikit daripada 4.5% kepada 4.4% dalam tempoh yang sama. Sebaliknya, untuk menggantikan tren menurun duti import dan eksport, pergantungan yang lebih ke atas cukai jualan dan perkhidmatan di mana skop dan tahapnya meliputi jangkauan yang lebih luas. Dengan demikian, cukai jualan sebagai peratusan kepada cukai tidak langsung meningkat dari 26.6% pada 1997 kepada 37.5% pada 2003. Begitu juga, cukai perkhidmatan meningkat dengan ketara daripada 6.4% kepada 10.4% dalam jangkamasa yang sama. Hasil bukan cukai sebagai peratusan KDNK dan jumlah hasil telah meningkat sedikit dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan pelaburan, lesen dan permit serta royalti.

## Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat 6.2% pada 2003 di mana perbelanjaan mengurus dan pembangunan menyumbang



JADUAL 4.3

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2002-2004

|  | RM juta       |                   |                   | Perubahan (%) |            |            | Bahagian (%) |              |              |
|--|---------------|-------------------|-------------------|---------------|------------|------------|--------------|--------------|--------------|
|  | 2002          | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup> | 2002          | 2003       | 2004       | 2002         | 2003         | 2004         |
| Emolumen   | 20,242        | 19,727            | 20,934            | 16.0          | -2.5       | 6.1        | 29.4         | 26.9         | 26.2         |
| Bayaran khidmat hutang                             | 9,669         | 8,868             | 9,929             | 0.4           | -8.3       | 12.0       | 14.1         | 12.1         | 12.4         |
| Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri       | 2,534         | 2,534             | 2,724             | 25.9          | 0.0        | 7.5        | 3.7          | 3.5          | 3.4          |
| Pencen dan ganjaran                                | 5,134         | 4,408             | 4,624             | 9.0           | -14.1      | 4.9        | 7.5          | 6.0          | 5.8          |
| Bekalan dan perkhidmatan                           | 11,269        | 14,781            | 17,216            | 5.3           | 31.2       | 16.5       | 16.3         | 20.2         | 21.5         |
| Subsidi  | 3,677         | 3,925             | 3,413             | -19.2         | 6.7        | -13.0      | 5.4          | 5.4          | 4.3          |
| Pemberian kepada badan-badan berkanun <sup>3</sup> | 6,361         | 6,854             | 7,640             | 19.7          | 7.8        | 11.5       | 9.3          | 9.4          | 9.5          |
| Bayaran balik                                      | 1,792         | 2,731             | 2,185             | 0.9           | 52.4       | -20.0      | 2.6          | 3.7          | 2.7          |
| Lain-lain  | 8,021         | 9,409             | 11,365            | 5.3           | 17.3       | 20.8       | 11.7         | 12.8         | 14.2         |
| <b>Jumlah</b>                                      | <b>68,699</b> | <b>73,237</b>     | <b>80,030</b>     | <b>7.8</b>    | <b>6.6</b> | <b>9.3</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>                               | <b>19.0</b>   | <b>19.0</b>       | <b>19.5</b>       |               |            |            |              |              |              |


<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2004.

<sup>3</sup> Termasuk emolumen.

CARTA 4.5

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Bajet.

kepada momentum pertumbuhan selaras dengan dasar fiskal mengembang dan pakej rangsangan fiskal tambahan yang dilaksanakan semenjak Mei 2003. Sebagai peratusan KDNK, perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah 19.0% dan 9.8% (2002: 19.0%, 10.0%).

**Perbelanjaan mengurus**, yang terdiri daripada 65.9% dari jumlah perbelanjaan Kerajaan dijangka meningkat 6.6% kepada RM73,237 juta pada 2003, seperti di *Jadual 4.3*. Bahagian terbesar atau 32.9% daripada jumlah perbelanjaan mengurus adalah untuk emolumen dan pembayaran pencen dan gratuity kepada kakitangan awam. Peningkatan perbelanjaan lain termasuk bekalan dan perkhidmatan meningkat sebanyak 31.2% selaras dengan usaha untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bayaran khidmat hutang adalah lebih rendah di paras RM8,868 juta pada 2003 walaupun terdapat pinjaman baru dan pembiayaan semula pinjaman oleh sebab kadar faedah yang lebih rendah. Pemberian geran yang lebih tinggi kepada agensi dan lain-lain peringkat kerajaan, biasiswa, skim pinjaman buku teks, program makanan sekolah, pembayaran subsidi untuk produk petroleum seperti diesel dan gas petroleum cecair (LPG) serta pertanian,



khususnya untuk baja dan penanam padi juga meningkatkan bayaran pindahan.

Teras perbelanjaan pembangunan adalah untuk menyokong strategi Bajet 2003 yang bertujuan meningkatkan pelaburan domestik, membina sumber-sumber pertumbuhan baru serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam. Dengan itu, sejumlah RM10,495 juta atau 27.6% dikhaskan kepada pendidikan dan latihan bagi dapat menjamin bekalan tenaga kerja berkemahiran dan berpengetahuan untuk menyokong pembangunan ICT dan industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berasaskan teknologi.

Perumahan awam dan perumahan kos rendah sentiasa diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan selaras dengan dasar bagi menyediakan tempat tinggal untuk semua. Peningkatan perbelanjaan bagi perumahan awam dan perumahan kos rendah dijangka dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan juga

kakitangan awam seperti anggota tentera, polis, kastam serta guru. Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) dijangka membina 25,815 unit rumah kos rendah pada tahun ini di mana 16,015 unit kini di peringkat akhir pembinaan. Kerajaan juga telah meningkatkan perbelanjaan bagi sub-sektor kesihatan untuk pembinaan hospital baru yang sedang dalam peringkat pembinaan dan menaiktaraf hospital sedia ada serta meningkatkan taraf penjagaan kesihatan. Sejumlah RM200 juta telah disediakan di bawah Pakej Strategi Baru untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meningkatkan tahap kebersihan di tempat-tempat awam serta mempromosikan gaya kehidupan yang lebih sihat untuk mengelak penyebaran penyakit berjangkit berikutan wabak SARS.

Perbelanjaan pembangunan bagi perkhidmatan ekonomi dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 9.2% pada 2003 selepas sedikit penurunan iaitu 2.3% pada 2002, seperti di *Jadual 4.4*. Di dalam sub-sektor pengangkutan,

JADUAL 4.4

### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2002-2004

|  | RM juta       |                   |                   | Perubahan (%) |            |              | Bahagian (%) |              |              |
|--|---------------|-------------------|-------------------|---------------|------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
|  | 2002          | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup> | 2002          | 2003       | 2004         | 2002         | 2003         | 2004         |
| Perkhidmatan ekonomi                                     | 12,434        | 13,581            | 13,779            | -2.3          | 9.2        | 1.5          | 34.6         | 35.8         | 46.0         |
| y/m <sup>3</sup> : Pertanian dan pembangunan luar bandar | 1,364         | 2,956             | 3,421             | -2.2          | 116.7      | 15.7         | 3.8          | 7.8          | 11.4         |
| Perdagangan dan perindustrian                            | 3,474         | 3,135             | 1,890             | -28.1         | -9.8       | -39.7        | 9.7          | 8.3          | 6.3          |
| Pengangkutan   | 5,401         | 5,091             | 6,377             | 7.1           | -5.7       | 25.3         | 15.0         | 13.4         | 21.3         |
| Perkhidmatan sosial                                      | 18,043        | 17,165            | 11,154            | 17.3          | -4.9       | -35.0        | 50.2         | 45.2         | 37.2         |
| y/m <sup>3</sup> : Pendidikan                            | 12,436        | 10,495            | 4,615             | 20.0          | -15.6      | -56.0        | 34.6         | 27.6         | 15.4         |
| Kesihatan  | 1,503         | 1,990             | 2,643             | -4.3          | 32.4       | 32.8         | 4.2          | 5.2          | 8.8          |
| Perumahan  | 1,808         | 2,150             | 1,366             | 42.6          | 18.9       | -36.5        | 5.0          | 5.7          | 4.6          |
| Keselamatan  | 4,333         | 4,063             | 2,683             | 31.8          | -6.2       | -34.0        | 12.0         | 10.7         | 9.0          |
| Pentadbiran am   | 1,167         | 3,154             | 2,344             | -69.6         | 170.3      | -25.7        | 3.2          | 8.3          | 7.8          |
| <b>Jumlah</b>  | <b>35,977</b> | <b>37,963</b>     | <b>29,960</b>     | <b>2.1</b>    | <b>5.5</b> | <b>-21.1</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>                                     | <b>10.0</b>   | <b>9.8</b>        | <b>7.3</b>        |               |            |              |              |              |              |


<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2004.

<sup>3</sup> y/m: yang mana.

CARTA 4.6

### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor



<sup>1</sup> Anggaran disemak.  
<sup>2</sup> Bajet..

penekanan diberi ke arah memperbaiki dan menaiktaraf infrastruktur negara, khususnya bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan udara, laut dan darat. Dengan ini, ia dijangka dapat mengurangkan kos pengendalian perniagaan dan seterusnya meningkatkan persaingan negara. Kebanyakan projek adalah untuk pembinaan jalanraya dan jambatan, penyelenggaraan dan menaiktaraf landasan kereta api, pengerukan dan pendalaman laluan pelabuhan serta menaiktaraf landasan lapangan terbang. Dengan memberi penekanan ke atas PKS sebagai pemangkin kepada pembangunan industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, sebahagian besar perbelanjaan di bawah sub-sektor perdagangan dan perindustrian adalah untuk pembangunan PKS dan penyelidikan perindustrian. Sebanyak RM500 juta telah disalurkan kepada Institusi Kewangan Pembangunan bagi membantu usaha pembiayaan perniagaan kecil dalam sektor pertanian dan bukan pertanian melalui skim mikro kredit yang terkandung di dalam Pakej Strategi Baru. Perbelanjaan untuk pertanian dan

pembangunan luar bandar kekal tinggi, dengan memberi keutamaan kepada projek tebatan banjir, jalan luar bandar serta bekalan air dan elektrik. Pemberian peruntukan kepada agensi yang terlibat dengan pertanian dan pembangunan tanah adalah agak besar, iaitu 20.0% daripada perbelanjaan di bawah sub-sektor ini. Perbelanjaan di bawah sub-sektor pentadbiran am dijangka meningkat dengan ketara, yang disebabkan oleh antara lainnya kerana pembelian peralatan ICT, kerja-kerja naiktaraf kedutaan Malaysia di luar negara serta pengubahsuaian dan naiktaraf bangunan mahkamah.

## Pembiayaan

Kerajaan akan terus mengamalkan langkah-langkah berhemah dalam pengurusan kewangan sektor awam bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko yang berkaitan hutang luar dengan membiayai keperluan pembiayaannya melalui pasaran domestik. Tambahan pula, Kerajaan dapat mengurangkan bayaran khidmat hutang melalui pembiayaan semula hutangnya dengan kadar faedah yang lebih rendah.

Pinjaman bersih yang diperolehi daripada sumber dalam negeri berjumlah RM23,250 juta mewakili keseluruhan keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan, seperti di *Jadual 4.5*. Dengan ini, Kerajaan telah dapat mengawal tahap hutang


JADUAL 4.5

### Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2002-2003

|                                     | RM juta       |               | Bahagian (%) |              |
|-------------------------------------|---------------|---------------|--------------|--------------|
|                                     | 2002          | 2003          | 2002         | 2003         |
| <b>Pinjaman bersih dalam negeri</b> | <b>6,076</b>  | <b>23,250</b> | <b>30.0</b>  | <b>111.5</b> |
| Pinjaman kasar                      | 18,000        | 41,850        | 63.2         | 91.7         |
| Terbitan pelaburan                  | 3,000         | 2,000         | 16.7         | 4.8          |
| Sekuriti kerajaan                   | 15,000        | 39,850        | 83.3         | 95.2         |
| (-) Bayaran balik                   | 11,924        | 18,600        |              |              |
| <b>Pinjaman bersih luar negara</b>  | <b>8,020</b>  | <b>-4,391</b> | <b>39.6</b>  | <b>-21.1</b> |
| Pinjaman kasar                      | 10,466        | 3,771         | 36.8         | 8.3          |
| Pinjaman pasaran                    | 9,091         | 1,439         | 86.9         | 38.2         |
| Pinjaman projek                     | 1,375         | 2,332         | 13.1         | 61.8         |
| (-) Bayaran balik                   | 2,446         | 8,162         |              |              |
| Perubahan harta                     | 6,157         | 1,990         | 30.4         | 9.6          |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>20,253</b> | <b>20,849</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

CARTA 4.7

**Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah ke atas Hutang Kerajaan Persekutuan**



<sup>1</sup> Tidak termasuk bayaran balik awal.


luar negara serta meminimumkan pendedahan negara terhadap risiko tukaran mata wang asing.

Dengan kadar faedah di pasaran kekal rendah, Kerajaan dapat membiayai semula pinjaman dan membuat pinjaman baru pada kadar faedah yang lebih rendah, seterusnya mengurangkan jumlah bayaran khidmat hutang. Di samping memenuhi keperluan pembiayaan Kerajaan, penerbitan sekuriti Kerajaan yang kerap dilakukan dapat menyediakan penanda aras untuk menyokong pembangunan pasaran bon tempatan.

Dalam separuh pertama 2003, Kerajaan telah menerbitkan tiga SKM yang baru serta membiayai semula lima SKM sedia ada berjumlah RM25,100 juta. Dalam separuh kedua, dijangkakan satu SKM baru dan tiga SKM sedia ada akan diterbitkan yang berjumlah RM14,750 juta. Di samping itu, TPK sedia ada yang berjumlah RM2,000 juta dan TB berjumlah RM7,120 juta akan ditebus dan diterbitkan semula apabila matang. Tabung-tabung simpanan pekerja, pencen dan insurans memegang kira-kira 71.4% daripada SKM, manakala TPK dan TB pula dipegang terutamanya oleh institusi-institusi perbankan dan syarikat-syarikat insurans seperti kedudukan pada 30 Jun, 2003.

CARTA 4.8

**Komposisi Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada 2003**



Sepanjang tahun ini, Kerajaan dijangka memperolehi pinjaman berjumlah RM1,439 juta daripada pasaran kewangan antarabangsa melalui pinjaman bersindiket untuk mengekalkan kewujudan dalam pasaran asing di samping menyediakan keluk hasil penanda aras. Sambutan yang menggalakkan ke atas sekuriti Malaysia mencerminkan keyakinan berterusan pelabur-pelabur asing terhadap negara ini yang disokong oleh asas ekonomi yang kukuh, polisi mesra pelabur, pengurusan ekonomi yang teguh dan kestabilan politik. Pengeluaran pinjaman projek daripada sumber-sumber dua hala dan pelbagai hala pula berjumlah RM2,332 juta, mewakili 61.8% daripada keseluruhan pinjaman luar negara. Pinjaman-pinjaman ini telah diperolehi dalam tempoh 2000-2002 bertujuan untuk membiayai projek-projek tertentu seperti Projek Pembetulan Negara, Projek Landasan Elektrik Berkembar serta untuk memenuhi keperluan tabung-tabung modal teroka bagi membiayai projek-projek ICT. Dalam tahun 2003, hutang luar Kerajaan Persekutuan di jangka berkurangan sedikit kepada RM34,962 juta atau 9.1% KDNK (2002: RM36,283 juta, 10.1% KDNK).

## Hutang

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat 11.4% kepada RM183,817 juta atau 47.7% KDNK dengan hutang dalam negeri mewakili sebahagian besar atau 81.0% daripada jumlah tersebut, seperti di *Jadual 4.6*. Walaupun tahap hutang meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini, hutang luar menurun sebanyak RM1,321 juta pada 2003. Keupayaan Kerajaan untuk menyelenggara hutangnya masih lagi teguh dengan hampir kesemua penunjuk tahap pendedahan hutang dalam lingkungan berhemah. Bayaran faedah sebagai peratusan kepada perbelanjaan mengurus dan hasil adalah sebanyak 12.1% dan 9.9%. Di samping itu, pengurusan hutang yang baik telah mengurangkan pembayaran balik pokok yang banyak dibuat pada masa yang sama dan memastikan profil kematangan hutang yang tersusun. Akibatnya, 35.2% daripada hutang tersebut mempunyai tarikh matang kurang daripada tiga tahun, 22.9% di antara tiga hingga lima tahun dan bakinya, 41.9% lebih daripada lima tahun, seperti kedudukan pada 30 Jun, 2003. Sebahagian besar daripada hutang tersebut

JADUAL 4.6

### Hutang Kerajaan Persekutuan 2002-2003

|  | RM juta        |                | Bahagian (%) |              | KDNK (%)    |             |
|--|----------------|----------------|--------------|--------------|-------------|-------------|
|  | 2002           | 2003           | 2002         | 2003         | 2002        | 2003        |
| <b>Hutang dalam negeri</b>                   | <b>128,680</b> | <b>148,855</b> | <b>78.0</b>  | <b>81.0</b>  | <b>35.6</b> | <b>38.6</b> |
| Bil Perbendaharaan                           | 4,320          | 4,320          | 3.4          | 2.9          | 1.2         | 1.1         |
| Terbitan Pelaburan                           | 5,000          | 7,000          | 3.9          | 4.7          | 1.4         | 1.8         |
| Sekuriti Kerajaan                            | 109,550        | 130,800        | 85.1         | 87.9         | 30.3        | 33.9        |
| Lain-lain pinjaman dalam negeri <sup>1</sup> | 9,810          | 6,735          | 7.6          | 4.5          | 2.7         | 1.8         |
| <b>Hutang luar</b>                           | <b>36,283</b>  | <b>34,962</b>  | <b>22.0</b>  | <b>19.0</b>  | <b>10.1</b> | <b>9.1</b>  |
| Pinjaman pasaran                             | 28,674         | 25,766         | 79.0         | 73.7         | 8.0         | 6.7         |
| Pinjaman projek                              | 7,609          | 9,196          | 21.0         | 26.3         | 2.1         | 2.4         |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>164,963</b> | <b>183,817</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> | <b>45.7</b> | <b>47.7</b> |

<sup>1</sup> Terutama pinjaman bersindiket dari bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan pinjaman untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.


JADUAL 4.7

### Hutang Negara 2002-2003

|  | RM juta        |                | Bahagian (%) |              | KDNK (%)    |             |
|--|----------------|----------------|--------------|--------------|-------------|-------------|
|  | 2002           | 2003           | 2002         | 2003         | 2002        | 2003        |
| <b>Hutang jangka sederhana dan panjang</b> | <b>153,560</b> | <b>151,234</b> | <b>82.7</b>  | <b>81.3</b>  | <b>42.6</b> | <b>39.2</b> |
| Sektor awam                                | 100,613        | 97,338         | 54.2         | 52.3         | 27.9        | 25.2        |
| Kerajaan Persekutuan                       | 36,283         | 34,962         | 19.6         | 18.8         | 10.1        | 9.1         |
| PABK                                       | 64,330         | 62,376         | 34.7         | 33.5         | 17.8        | 16.2        |
| Dijamin                                    | 10,180         | 12,410         | 5.5          | 6.7          | 2.8         | 3.2         |
| Tidak dijamin                              | 54,150         | 49,966         | 29.2         | 26.8         | 15.0        | 13.0        |
| Sektor swasta                              | 52,947         | 53,896         | 28.5         | 29.0         | 14.7        | 14.0        |
| <b>Hutang jangka pendek</b>                | <b>32,014</b>  | <b>34,794</b>  | <b>17.3</b>  | <b>18.7</b>  | <b>8.9</b>  | <b>9.0</b>  |
| <b>Jumlah</b>                              | <b>185,574</b> | <b>186,028</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> | <b>51.5</b> | <b>48.2</b> |

CARTA 4.9

### Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang



adalah dalam kadar faedah tetap dan dengan demikian ianya dapat mengurangkan risiko kenaikan kadar faedah pada masa hadapan. **Hutang negara** yang merangkumi hutang luar jangka pendek dan jangka panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta dijangka meningkat sedikit iaitu 0.2% kepada RM186,028 juta atau 48.3% KDNK berikutan daripada Kerajaan Persekutuan dan PABK telah mengurangkan hutangnya, seperti di *Jadual 4.7*. Dengan demikian, walaupun hutang jangka masa pendek dan panjang sektor swasta telah meningkat, hutang Kerajaan Persekutuan dan PABK yang lebih rendah telah dapat membantu mengawal peningkatan hutang negara secara keseluruhan. Sebahagian besar hutang negara terdiri daripada hutang jangka masa sederhana dan panjang dengan hutang jangka masa pendek hanya mewakili 18.7% daripada jumlah hutang. Nisbah rizab antarabangsa kepada hutang jangka pendek, satu ukuran kemampuan rizab untuk membayar balik hutang jangka pendek adalah empat kali lebih daripada mencukupi untuk membayar balik hutang tersebut, seperti

kedudukan pada 30 Jun, 2003. Nisbah khidmat hutang luar iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport negara dijangka kekal rendah pada 7.7%. Penunjuk-penunjuk tersebut mencerminkan kedudukan kewangan Kerajaan adalah kukuh.

## Kerajaan Negeri

Walaupun perbelanjaan yang lebih tinggi bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan terus kukuh disebabkan peningkatan ketara hasil kerajaan negeri. Defisit keseluruhan sebanyak RM381 juta adalah RM140 juta lebih rendah daripada 2002, seperti di *Jadual 4.8*. Defisit kerajaan negeri, seperti tahun-tahun lepas, dibiayai sebahagian besarnya daripada pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga melalui penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Sama seperti Kerajaan Persekutuan, perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan pembayaran emolumen berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia untuk kakitangan sektor awam. Di samping itu, perolehan aset dan bayaran pindahan kepada kerajaan tempatan juga meningkat selaras dengan usaha untuk menambahbaik perkhidmatan kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Sebahagian besar daripada 33.6% peningkatan perbelanjaan pembangunan adalah untuk pengairan dan saliran, pembangunan luar bandar dan pertanian serta menyediakan dan meningkatkan bekalan air, perumahan dan lain-lain kemudahan awam.

Pada tahun berkenaan, jumlah hasil yang dikutip dijangka sebanyak RM11,001 juta di mana 84.5% adalah daripada punca negeri sendiri dan bakinya disumbangkan oleh geran Kerajaan Persekutuan. Punca utama hasil negeri adalah daripada royalti perlombongan dan perhutanan, premium tanah dan cukai-cukai berkaitan dengan tanah, pendapatan pelaburan, yuran daripada permit dan lesen serta terimaan daripada perkhidmatan yang disediakan.

JADUAL 4.8

### Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri yang Disatukan 2002-2003

|                                 | RM juta     |                   | Perubahan (%) |              |
|---------------------------------|-------------|-------------------|---------------|--------------|
|                                 | 2002        | 2003 <sup>1</sup> | 2002          | 2003         |
| <b>Akaun semasa</b>             |             |                   |               |              |
| Hasil                           | 8,341       | 11,001            | 0.3           | 31.9         |
| Perbelanjaan mengurus           | 5,090       | 6,073             | -4.1          | 19.3         |
| Lebihan semasa                  | 3,251       | 4,928             | 8.1           | 51.6         |
| <b>Akaun pembangunan</b>        |             |                   |               |              |
| Perbelanjaan pembangunan kasar  | 4,161       | 5,559             | -14.6         | 33.6         |
| Kumpulan wang pembangunan       | 3,685       | 5,029             | -10.8         | 36.5         |
| Kumpulan wang bekalan air       | 476         | 530               | -35.4         | 11.3         |
| Terimaan balik pinjaman         | 389         | 250               | 134.3         | -35.7        |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 3,772       | 5,309             | -19.8         | 40.7         |
| <b>Baki keseluruhan</b>         | <b>-521</b> | <b>-381</b>       | <b>-69.3</b>  | <b>-26.9</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>            | <b>-0.1</b> | <b>-0.1</b>       |               |              |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

## Sektor Kerajaan

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan yang merangkumi akaun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih di antara entiti-entiti tersebut menunjukkan defisit keseluruhan sebanyak RM17,023 juta atau 4.4% KDNK, lebih rendah sedikit daripada defisit Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM20,849 juta atau 5.4% KDNK. Lebihan yang dinikmati oleh badan-badan berkanun dan kerajaan-kerajaan tempatan telah dapat mengurangkan defisit keseluruhan dan dengan itu memperbaiki kedudukan kewangan sektor kerajaan, seperti di *Jadual 4.9*.

JADUAL 4.9

### Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2002-2004

|                          | RM juta        |                   |                   | Perubahan (%) |             |              |
|--------------------------|----------------|-------------------|-------------------|---------------|-------------|--------------|
|                          | 2002           | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup> | 2002          | 2003        | 2004         |
| <b>Akaun semasa</b>      |                |                   |                   |               |             |              |
| Hasil                    | 96,763         | 105,599           | 114,556           | 5.6           | 9.1         | 8.5          |
| Perbelanjaan mengurus    | 76,314         | 81,732            | 88,335            | 5.6           | 7.1         | 8.1          |
| <b>Baki akaun semasa</b> | <b>20,449</b>  | <b>23,867</b>     | <b>26,221</b>     | <b>5.8</b>    | <b>16.7</b> | <b>9.9</b>   |
| Perbelanjaan pembangunan | 36,975         | 40,890            | 37,931            | 2.5           | 10.6        | -7.2         |
| <b>Baki keseluruhan</b>  | <b>-16,526</b> | <b>-17,023</b>    | <b>-11,710</b>    | <b>-1.3</b>   | <b>3.0</b>  | <b>-31.2</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>     | <b>-4.6</b>    | <b>-4.4</b>       | <b>-2.8</b>       |               |             |              |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2004.

## Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

Kedudukan kewangan keseluruhan PABK dijangka terus mencatat lebih walaupun beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Hasil dijangka meningkat kepada RM134,998 juta berdasarkan jualan perkhidmatan telekomunikasi dan elektrik yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 4.10*. Kenaikan perbelanjaan operasi sebanyak 8.7% disebabkan oleh kos yang lebih tinggi bagi bahan bakar dan tenaga manusia berikutan harga yang lebih tinggi untuk bahan bakar dan kenaikan gaji tahunan. Peningkatan perbelanjaan operasi juga disebabkan oleh perubahan teknologi yang sentiasa berlaku dan keperluan untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir bagi menguruskan teknologi demi memperbaiki perkhidmatan.

Perbelanjaan pembangunan PABK keseluruhan dijangka meningkat sebanyak 9.5% kepada RM35,365 juta disebabkan sebahagian besarnya oleh pertambahan perbelanjaan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Seperti tahun-tahun

JADUAL 4.10

### Kedudukan Kewangan PABK yang Disatukan<sup>1</sup> 2002-2003

|                               | RM juta       |                   | Perubahan (%) |              |
|-------------------------------|---------------|-------------------|---------------|--------------|
|                               | 2002          | 2003 <sup>2</sup> | 2002          | 2003         |
| Hasil                         | 126,562       | 134,998           | 20.4          | 6.7          |
| Perbelanjaan semasa           | 80,951        | 88,007            | 23.8          | 8.7          |
| <b>Pendapatan tertanggung</b> | <b>45,611</b> | <b>46,991</b>     | <b>14.9</b>   | <b>-3.0</b>  |
| <b>% kepada KDNK</b>          | <b>12.6</b>   | <b>12.2</b>       |               |              |
| Perbelanjaan pembangunan      | 32,297        | 35,365            | 34.4          | 9.5          |
| <b>Baki keseluruhan</b>       | <b>13,314</b> | <b>11,626</b>     | <b>-14.9</b>  | <b>-12.7</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>          | <b>3.7</b>    | <b>3.0</b>        |               |              |

<sup>1</sup> Merujuk kepada 36 PABK.

<sup>2</sup> Anggaran disemak.



lepas, perbelanjaan pembangunan tertumpu kepada pengembangan kapasiti dalam dan luar negeri. Umpamanya perbelanjaan pembangunan PETRONAS adalah untuk pembinaan loji MLNG3, kontrak perkongsian carigali dan pengeluaran, pembangunan berterusan Universiti Teknologi PETRONAS dan pembinaan kapal-kapal gas asli cecair (LNG). Begitu juga, Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan TNB terus melaksanakan program pelaburan untuk meningkatkan keupayaan menjana pendapatan. Di antara projek-projek yang dilaksanakan oleh TMB pada tahun ini termasuklah sistem kabel dasar laut yang menyambungkan Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah Barat serta projek *Corporate Information Super Highway* untuk menyokong dan memudahkan aplikasi multimedia, rangkaian pengkomputeran dan komunikasi untuk syarikat besar dan kecil. Bagi TNB pula, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan adalah untuk menaiktaraf transmisi dan penjana kuasa. Antara projek utama termasuklah *Pulau Bunting 220MW Open Cycles Gas Turbines*, *Kenyir II Hydro Project* dan *Cameron Highlands/*

*Batang Padang Life Extension Project*. Bagi Putrajaya Holdings pula, kenaikan perbelanjaan pembangunan adalah untuk projek yang sedang dalam pelaksanaan seperti pembinaan bangunan Kerajaan, kuarters untuk kakitangan awam, pusat-pusat komersil serta kerja-kerja infrastruktur seperti jalan, jambatan dan taman-taman.

## Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam menunjukkan penyatuan akaun sektor Kerajaan dan PABK selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih di antara dua entiti tersebut. Lebihan keseluruhan PABK mengurangkan defisit sektor awam disatukan kepada RM5,687 juta atau 1.5% KDNK, lebih rendah daripada defisit sektor Kerajaan dan Kerajaan Persekutuan, seperti di *Jadual 4.11*. Dengan demikian, kedudukan kewangan sektor awam menunjukkan kedudukan yang lebih baik dengan defisit sebanyak 1.5% KDNK berbanding dengan 5.4% bagi Kerajaan Persekutuan dan 4.4% bagi sektor kerajaan.

JADUAL 4.11

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2002-2004

|                                   | RM juta       |                   |                   | Perubahan (%) |              |               |
|-----------------------------------|---------------|-------------------|-------------------|---------------|--------------|---------------|
|                                   | 2002          | 2003 <sup>1</sup> | 2004 <sup>2</sup> | 2002          | 2003         | 2004          |
| Hasil <sup>3</sup>                | 96,763        | 105,599           | 114,556           | 5.6           | 9.1          | 8.5           |
| Perbelanjaan mengurus             | 75,450        | 81,732            | 88,335            | 4.4           | 8.3          | 8.1           |
| Lebihan semasa PABK               | 45,324        | 46,643            | 47,499            | 14.8          | 2.9          | 1.8           |
| <b>Lebihan semasa sektor awam</b> | <b>66,637</b> | <b>70,510</b>     | <b>73,720</b>     | <b>13.3</b>   | <b>5.8</b>   | <b>4.6</b>    |
| Perbelanjaan pembangunan          | 69,125        | 76,197            | 72,071            | 15.7          | 10.2         | -5.4          |
| Sektor kerajaan <sup>4</sup>      | 36,828        | 40,832            | 38,017            | 3.2           | 10.9         | -6.9          |
| PABK                              | 32,297        | 35,365            | 34,054            | 34.4          | 9.5          | -3.7          |
| <b>Baki keseluruhan</b>           | <b>-2,488</b> | <b>-5,687</b>     | <b>1,649</b>      | <b>174.6</b>  | <b>128.6</b> | <b>-129.0</b> |
| <b>% kepada KDNK</b>              | <b>-0.7</b>   | <b>-1.5</b>       | <b>0.4</b>        |               |              |               |

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan tahun 2004.

<sup>3</sup> Tidak termasuk bayaran pindahan di antara sektor kerajaan.

<sup>4</sup> Perbelanjaan pembangunan berbeza dengan perbelanjaan pembangunan di *Jadual 4.9* disebabkan bayaran pindahan dan pinjaman bersih.

## Tinjauan 2004

Kedudukan kewangan sektor awam di jangka bertambah kukuh dari segiimbangan keseluruhan sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih baik pada 2004. Aktiviti sektor swasta diramal terus meningkat untuk menjana pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi dan membolehkan sektor awam menumpukan peranannya kepada penyediaan persekitaran yang lebih kondusif untuk sektor swasta berdaya maju dan berkembang. Dengan sektor swasta kembali menjadi jentera pertumbuhan, Kerajaan dapat memulakan proses konsolidasi fiskal untuk mencapai bajet berimbang dalam jangkamasa terdekat.

Teras dasar fiskal adalah untuk menghadkan perbelanjaan dan dalam masa yang sama meningkatkan hasil negara. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan dikawal di tahap RM109,990 juta iaitu pengurangan sebanyak 1.1% dengan perbelanjaan pembangunan menunjukkan penurunan ketara sebanyak 21.1% kepada RM29,960 juta. Dasar utama perbelanjaan adalah untuk perbelanjaan terikat dan projek-projek yang telah diluluskan serta kontrak yang telah ditanda tangani. Agensi kerajaan yang mempunyai sumber kewangan yang berlebihan khususnya rizab yang besar dan belum komited tidak akan diberi peruntukan. Kutipan hasil cukai syarikat yang lebih baik serta prestasi PABK dan syarikat yang dimiliki Kerajaan yang bertambah kukuh dijangka meningkatkan hasil Kerajaan.

Bagi perbelanjaan mengurus, sebahagian besar atau 67.2% dari jumlah peruntukan RM80,030 juta adalah untuk perbelanjaan terikat seperti pencen dan gratuity, bayaran khidmat hutang dan emolumen. Peruntukan untuk bekalan dan perkhidmatan seperti perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan, sewaan, telekomunikasi dan utiliti serta yuran professional, merupakan satu lagi perbelanjaan yang besar di bawah perbelanjaan mengurus yang akan meningkat sebanyak 16.5% bagi memastikan aset awam diselenggara dengan baik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Selebihnya adalah pemberian geran dan bayaran

tetap yang terdiri daripada sumbangan kepada badan-badan berkanun, kerajaan negeri dan subsidi bagi barangan petroleum, padi dan biasiswa.

Berdasarkan Kajian Semula Separuh Penggal dan semakan semula siling RMK-8, peruntukan pembangunan 2004 ialah RM29,960 juta, iaitu jauh lebih rendah daripada RM37,963 juta yang dijangka dibelanjakan pada 2003. Memandangkan peruntukan yang lebih rendah, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang sedang dilaksanakan dan yang telah terikat kontraknya dengan PABK dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam pembentukan modal sektor awam. Di antara objektif utama peruntukan pembangunan adalah untuk menyediakan sumber bagi meningkatkan daya saing negara serta menyokong usaha dan pelaburan sektor swasta. Dengan demikian, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang mempunyai rantai yang meluas dan pengganda yang tinggi. Ini termasuk projek dan program yang dapat memudahkan pelaksanaan penswastan dan lain-lain kerjasama awam-swasta di samping meningkatkan sistem penyampaian, khususnya di kawasan luar bandar dengan tujuan membangunkan pertanian sebagai satu sektor yang menjana nilai ekonomi yang tinggi. Sebagaimana pada tahun-tahun lepas dan untuk mencerminkan agenda sosial Kerajaan, sejumlah peruntukan besar disediakan untuk menggalakkan masyarakat menyayang melalui penambahan peruntukan kepada badan-badan bukan Kerajaan (NGO), kementerian dan agensi yang terlibat dalam perkhidmatan kebajikan seperti program pencegahan AIDS dan dadah, pembangunan wanita dan kanak-kanak, perkhidmatan penjagaan kesihatan serta kegiatan untuk membantu orang-orang cacat dan kurang upaya.

Berhubungan dengan hasil, ia dijangka berkembang pada kadar 7.2% kepada RM95,595 juta berikutan prestasi ekonomi yang bertambah baik, harga komoditi yang mapan serta harga ekuiti yang lebih tinggi. Pertumbuhan hasil dijangka berpunca daripada cukai syarikat, cukai jualan dan perkhidmatan berikutan keuntungan

syarikat yang lebih baik dan penggunaan perkhidmatan serta jualan barangan yang lebih banyak.

Kutipan hasil yang lebih memberangsangkan di samping perbelanjaan yang lebih terkawal dijangka mengakibatkan tren defisit Kerajaan menurun dengan lebih ketara. Defisit Kerajaan Persekutuan diramal mencatat pengurangan RM7,454 juta kepada RM13,395 juta atau 3.3%

KDNK manakala defisit sektor awam dijangka mencatat kedudukan lebih sebanyak 0.4% KDNK. Tren yang lebih baik jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal berhemat untuk menyokong pertumbuhan ekonomi mapan dan daya saing negara dalam jangka masa panjang. Dengan dasar fiskal berhemat sebagai prinsip utama, Kerajaan berkeyakinan mencapai bajet berimbang dalam masa terdekat.